


Fenomena graviti terbalik



Tarikan graviti terbalik bukan bukit ajaib

» Pergerakan secara sendiri merupakan penipuan mata, otak 'diperdaya'

Oleh Alzahrin Alias
bhonline@bh.com.my

Kereta bergerak sendiri, botol minuman bergolek ke atas bukit. Satu ketika dulu, fenomena ini dianggap seba-

gai mainan kuasa mistik dan ramai penduduk tempatan mempercayainya.

Kepercayaan ini ditambah lagi dengan keadaan jalan yang sering mengundang kemalangan maut. Tidak hairanlah jika penduduk tempatan berasakan kawasan ini sebagai keras dan takut melalui-nya pada waktu malam.

Inilah yang terjadi di sepanjang Lebuhraya Keningau-Kimanis, Sabah disebabkan terdapatnya tarikan yang membuatkan suatu benda bergerak ke atas bukit dengan sendirinya.

Fenomena di kawasan lebuhraya itu yang melalui Banjaran Crocker sebenarnya bukanlah

mainan kuasa mistik, sebaliknya terdapat fenomena yang dikenali sebagai graviti terbalik.

BH Plus mencuba sendiri untuk merasai pengalaman bagaimana graviti terbalik ini terjadi dan kenapa dikatakan sebagai bukit ajaib.

Tidak semua tempat di sepanjang lebuhraya ini mempunyai tarikan graviti terbalik ini, kata Dr Lee Kuok Tiung, seorang penduduk tempatan yang juga pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Wartawan BH Plus bersama Kuok Tiung mencari kawasan yang dikatakan mempunyai tarikan graviti terbalik lebih sejam.

Ada kawasan yang mempunyai tarikan tetapi sangat lemah dan ada pula kawasan yang mempunyai tarikan yang kuat sehingga mampu menggerakkan sebuah kenderaan pacuan empat roda.

Selepas puas mencuba beberapa kawasan, akhirnya BH Plus menemui satu kawasan di lebuhraya itu yang mempunyai tarikan graviti terbalik yang agak kuat.

Ketika meletakkan kenderaan pacuan empat roda di sisi lebuhraya dengan sebelah tayar di atas rumput dan sebelah lagi di atas jalan, gear kenderaan di kedudukan 'neutral' secara logiknya kenderaan tidak akan bergerak kerana daya geseran rendah.

Bagaimanapun, apa yang berlaku adalah sebaliknya, kenderaan mula bergerak sejauh 200 meter walaupun kedudukan jalan raya adalah rata dan mendaki.

Tin bergerak sendiri

Wartawan BH Plus juga melakukan kajian dengan meletakkan tin yang berisi air di atas jalan dan tin itu bergerak sendiri dengan laju dalam satu garisan lurus.

Walaupun ada kenderaan melalui jalan raya ketika itu ditambah dengan keadaan jalan raya yang berbatu, tin masih bergerak lurus.

Kuok Tiung berkata, ketika kecil beliau sering mendengar cerita ayahnya mengenai fenomena graviti terbalik tetapi tidak mempercayainya.

Katanya, dia beranggapan fenomena itu disebabkan oleh batuan atau mineral di dalam bumi di Banjaran Crocker dan bukannya disebabkan oleh kuasa mistik.

Pakar Fizik, Profesor Brock Wiess yang banyak menjalankan kajian mengenai fenomena graviti terbalik di seluruh dunia menyimpulkan fenomena itu adalah disebabkan penipuan mata.

Beliau membuat kesimpulan, bukit hanyalah ilusi dan apabila dikaji, kawasan itu sebenarnya lebih rendah daripada kawasan permulaan.

Wiess berkata, ilusi optik akan menyebabkan pokok dan cerun di sesuatu kawasan itu kelihatan lebih tinggi tetapi hakikatnya ia berada di cerun dan menuruni bukit.

"Otak manusia amat berkuasa, namun ia boleh terpedaya dalam pelbagai cara," kata beliau dalam kajiannya.

Fenomena ilusi optik

Fenomena ilusi optik atau lebih sesuai dikenali sebagai ilusi visual, adalah juga dikatakan penipuan visual oleh kerana susunan imej, kesan warna, kesan sumber cahaya atau pemboleh ubah lain selain pelbagai kesan visual yang mengelirukan.

Keadaan jalan itu (di Lebuhraya Keningau-Kimanis) sebenarnya adalah cerun tetapi disebabkan keadaan lain seperti jalan raya, tiang papan kenyataan atau pokok yang kelihatan tegak, membuatkan orang ramai percaya kawasan itu adalah rata.

Brock berkata, jika dikaji, pokok dan tiang papan kenyataan adalah sebenarnya condong dan bukannya tegak. Ini biasa terjadi di kawasan berbukit yang mempunyai selekoh yang banyak.

Katanya, jika kaki langit tidak dapat dilihat dengan jelas, maka kita boleh terpedaya dengan benda disangka menegak tetapi sebaliknya condong.

"Perspektif palsu juga mungkin memainkan peranan. Jika anda sedang berdiri di atas cerun dengan kecerunan 1 darjah ia akan kelihatan seperti kecerunan 5 darjah dan jika anda berdiri di atas cerun 5 darjah ia akan kelihatan seperti anda berada di cerun 30 darjah," katanya.

Kehadiran batuan magnet

Lantaran itu, ramai yang beranggapan graviti terbalik sebagai satu fenomena alam, yang mungkin berpunca daripada kehadiran batuan magnet, tetapi hakikatnya ini hanya ilusi optik.

Fenomena sama turut dikesan di beberapa tempat di seluruh dunia. Antaranya di Wadi Al Jinn atau Lembah Jin di Madinah, yang lebih terkenal sebagai Bukit Magnet; Los Banos di Filipina; Gunung Leh di India; Pulau Jeju di Korea Selatan; Gensu di China atau beberapa tempat di England, Amerika Syarikat dan Australia.

Di Lembah Jin atau Bukit Magnet di Madinah, fenomena itu dikatakan mampu menyebabkan kereta atau bas ditarik kembali secara misteri ke Madinah.

Kekuatan tarikan itu dikatakan mampu membuatkan kereta dan bas bergerak selaju 100 kilometer per jam (km/j) sehingga 120 km/j dalam berkeadaan gear neutral.

Seperti di Banjaran Crocker, kajian saintifik menjelaskan fenomena yang berlaku di Lembah Jin itu juga adalah disebabkan ilusi optik.

Hamparan sepanjang 14km di Lembah Jin itu dilihat seperti mendatar atau mendaki, tetapi ia sebenarnya menurun atau condong. Ilusi optik berlaku disebabkan gunung di sekitar kawasan itu lebih menonjol dan mengaburi hamparan yang menurun.



Ujian tarikan graviti menggunakan kenderaan pacuan empat roda.



Ujian tarikan graviti turut menggunakan tin berisi air.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video